# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# RABU 11 OKTOBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | KPKM NAFI KELUARKAN POSTER TULAR MENGENAI ISU BERAS, ASTRO AWANI -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | KILANG SOROK 180 TAN METRIK BERAS DISITA, DALAM NEGERI, UM -12 | |
| 3. | KAWASAN TANAMAN PADI DI SABAH, SARAWAK WAJAR DIPERLUAS, LOKAL, HM -17 | |
| 4. | HARGA BELI PADI RM1,200 TIDAK MENJADI KESALAHAN, LOKAL, HM -18 | |
| 5. | KILANG DISITA DISYAKI SOROK BERAS BPT SEBERAT 180 TAN, LOKAL, HM -18 | |
| 6. | KILANG DISYAKI SOROK 180 TAN BERAS PUTIH TEMPATAN DISITA, NASIONAL, BH -7 | |
| 7. | PENGARAH SYARIKAT DIDAKWA HARI INI, NASIONAL, BH -7 | |
| 8. | SYOR HARGA SILING RM3.50 SEKILOGRAM BAGI ELAK KES TIPU, NASIONAL, BH -7 | |
| 9. | KILANG SOROK 180 TAN METRIK BERAS PUTIH, NEGARA, KOSMO -16 | |
| 10. | DAKWAAN BERAS PLASTIK, TUNGGU KEPUTUSAN ANALISA, NEGARA, KOSMO -16 | |
| 11. | LAGI KILANG SOROK BERAS DISITA, NASIONAL, SH -11 | |
| 12. | KERAJAAN MAHU TINGKAT PENANAMAN PADI DI SABAH, SARAWAK, NASIONAL, SH -11 | |
| 13. | BERAS PLASTIK PALSU, PENYEBAR VIDEO MOHON MAAF, NASIONAL, SH -11 | |
| 14. | NELAYAN KEKAL TERIMA BAKUL MAKANAN, ELAUN SARA HIDUP, NEGARA, KOSMO -16 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 15. | AGIHAN HASIL PADI BAGI PROJEK LADANG MERDEKA TAK TERATUR, NASIONAL, BH -4 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 16. | AUDIT REPORT UNCOVERS IRREGULARITIES IN PADI PROJECT, NEWS, THE SUN -5 | |
| 17. | COLLBORATIVE PINEAPPLE FARIMING TAKES OFF IN ROMPIN, NEWS, THE STAR -5 | LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM) |
| 18. | AGROBANK WAIVES DUITNOW QR TRANSACTION FEES, NEWS, THE STAR -6 | AGROBANK |
| 19. | BERAS WALIMAH 100kg PERCUMA UNTUK KENDURI KAHWIN, NASIONAL, SH -11 | LAIN-LAIN |
| 20. | NELAYAN BIMBANG KOLAM UDANG HARAM JEJAS PENDAPATAN MEREKA, DALAM NEGERI, UM -29 | |
| 21. | SUBSIDI BERAS KEPADA B40 PERLU GUNA MEKANISME LEBIH TEPAT, NASIONAL, BH -6 | |
| 22. | MOVE TO IMPROVE FOOD SECURITY, NATION, THE STAR -10 | |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 11/10/2023 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# KPKM nafi keluarkan poster tular mengenai isu beras



*Pejabat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menafikan telah mengeluarkan poster berbentuk kenyataan menteri mengulas mengenai isu beras yang tular ketika ini. - Gambar hiasan*

**KUALA LUMPUR:** Pejabat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menafikan telah mengeluarkan poster berbentuk kenyataan menteri mengulas mengenai isu beras yang tular ketika ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, poster itu adalah fitnah dan tidak betul.

ADVERTISING

"Pihak Pejabat Menteri telah melaporkan perkara ini kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk tindakan selanjutnya.

"Orang ramai dinasihatkan supaya menyemak dahulu kesahihan semua kandungan yang ditularkan supaya tidak mudah terpedaya dengan fitnah yang sengaja direka oleh pihak yang tidak bertanggungjawab," katanya.

-- BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/10/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 12 |

# Kilang sorok 180 tan metrik beras disita

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

**ALOR SETAR:** Kegiatan sebuah kilang di sebuah daerah di sini menyorok 180 tan metrik beras putih tempatan (BPT) dibongkar Task Force Khas Op BPT semalam.

Sitaan terhadap makanan ruji negara itu dilakukan setelah kilang terbabit didapati menyorok bekalan beras tersebut dalam gudang simpanan yang tidak dinyatakan dalam lesen.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin berkata, beras bergred Super Spesial Tempatan lima peratus (SST5) atau BPT itu ditemukan di dalam kampit jumbo.



"Mengesyaki kilang tersebut telah melakukan kesalahan menyimpan stok beras tanpa lesen, Task Force Khas bertindak menyita BPT yang berada di dalam gudang tersebut dengan hasil sitaan diianggarkan bernilai RM405,000.

> **Jangan ambil kesempatan kerana ini masanya kita berganding bahu untuk menjamin kecukupan bekalan makanan yang berpatutan untuk rakyat..."**

"Sitaan dilakukan bagi membolehkan siasatan lanjut dilakukan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Kilang-Kilang Padi) 1996 P.U (A) 626," katanya dalam sidang akhbar selepas mengetuai operasi itu di sini, semalam.

Antara agensi dan jabatan yang terlibat dalam operasi itu adalah Kawalselia Padi dan Beras (KPB), polis, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS).

Foong Hin berkata, ia merupakan sitaan pertama dalam tempoh Op BPT dilaksanakan yang setakat ini merangkumi pemeriksaan terhadap lapan pemborong dan enam pengilang di negeri ini.

"Amaran keras kepada mana-mana pihak agar patuh undang-undang yang ditetapkan. Kementerian dan anggota-anggota Task Force akan bertindak tegas terhadap sesiapa sahaja sama ada individu atau syarikat yang didapati melanggar peraturan.

"Jangan ambil kesempatan kerana ini masanya kita berganding bahu untuk menjamin kecukupan bekalan makanan yang berpatutan untuk rakyat, bukannya menekan pengguna atau pesawah demi mengaut keuntungan yang lebih," katanya.

Foong HIn berkata, jika didapati bersalah, kilang tersebut boleh didenda sehingga RM25,000 bagi kesalahan pertama dan Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras melalui notis secara bertulis boleh membatalkan atau menggantung lesen.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 11/10/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 17 |

# Kawasan tanaman padi di Sabah, Sarawak wajar diperluas

**Kuala Lumpur:** Kerajaan melihat terdapat keperluan untuk memperluaskan kawasan penanaman padi di Sabah dan Sarawak, dalam usaha membantu meningkatkan bekalan beras, sekali gus menjamin sekuriti makanan negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ketika ini, selain Kedah, bekalan beras dalam negara banyak bergantung daripada Perak, Kelantan, Terengganu, Perlis dan Seberang Perai, Pulau Pinang.

Bagaimanapun beliau berkata, setiap kali musim banjir di utara dan pantai timur yang lazimnya berlaku pada Disember dan Januari, ia menyebabkan hasil padi rosak atau berkurang, hingga menyebabkan bekalan beras negara turut terjejas.

"Oleh itu dalam jangka panjang kita mesti bina sekuriti makanan kita di Sabah dan Sarawak. Jadi kita mesti bincang secara serius supaya Sabah dan Sarawak, dipertingkat kawasan penanaman padi.

"Kita akan mohon peruntukan pada bajet kali ini (Belanjawan 2024) atau kalau tak sempat, apa-apa sahaja peruntukan pada masa akan datang, untuk kita buat sistem perairan lebih baik agar dapat tingkatkan pengeluaran padi," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan **Datuk Henry Sum Agong (GPS-Lawas)**, sama ada kerajaan bercadang menggalakkan perluasan tanaman padi di kawasan pedalaman, memandangkan negara menghadapi masalah bekalan beras ketika ini.

Sebelum ini Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, Felcra Berhad (Felcra), akan bekerjasama dengan Kerajaan Sarawak dan Sabah dalam membangunkan antara 15,000 hingga 20,000 hektar tanah di kedua-dua negeri berkenaan, bagi tujuan penanaman padi secara berkelompok.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/10/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 18 |

# Harga beli padi RM1,200 tidak menjadi kesalahan

**Alor Setar:** Tindakan pemborong membeli padi di kilang pada harga RM1,200 setiap satu tan tidak menjadi kesalahan kerana harga itu masih pada kadar harga lantai ditetapkan kerajaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin berkata, bagaimanapun pihaknya akan berusaha mencari jalan penyelesaian polemik itu kerana memahami masalah yang dihadapi pesawah.

Katanya, sebarang penyelarasan terhadap harga belian padi perlu seiring dengan harga runcit yang dikenakan terhadap pengguna bagi mengelakkan kerugian kepada pihak pemborong dan pengilang.

"Memang sekarang (belian padi) mengikut harga pasaran dan harga lantai kita tetapkan RM1,200, jadi kalau kilang atau pemborong tawarkan pada harga lantai sebenarnya kita tak boleh cakap berlaku kesalahan.

"Sebelum ini pernah naik sehingga RM1,700, jadi jangkaannya (pesawah) akan dapat pulangan yang tinggi.

"Kita akan lihat dari semasa ke semasa dan kementerian sendiri sedang berbincang mengenai isu itu," katanya ketika ditemui selepas mengetuai Pasukan Petugas Khas Op Beras Putih Tempatan (BPT) di beberapa kilang di negeri ini, semalam.

Terdahulu, pesawah terutama dari negeri ini mengadakan bantahan aman sejak Sabtu lalu susulan tindakan pengilang yang kembali membeli padi pada harga antara RM1,200 hingga RM1,250 satu tan berbanding RM1,700 satu tan sebelum ini.

Situasi itu didakwa seolah-olah menindas pesawah apabila golongan itu terhimpit dengan pelbagai kos yang semakin meningkat.

Mengulas cadangan supaya kadar Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) dinaikkan, Chan berkata, kerajaan baru sahaja menaikkan kadar itu daripada RM360 setan kepada RM500 setan pada Ogos lalu.

# Kilang disita disyaki sorok beras BPT seberat 180 tan

**Alor Setar:** Sebuah kilang di negeri ini disita kerana disyaki menyorok beras putih tempatan (BPT) seberat 180 tan dalam serbuan oleh pasukan petugas khas Ops BPT, kelmarin.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin berkata tindakan itu dilakukan selepas kilang terbabit didapati menyorok bekalan beras dalam gudang simpanan yang tidak dinyatakan dalam lesen.

Katanya, beras bergred Super Spesial Tempatan lima peratus (SST5) atau BPT itu ditemukan di dalam kampit jumbo.

"Mengesyaki kilang itu telah melakukan kesalahan menyimpan stok beras tanpa lesen, pasukan Task Force Khas bertindak menyita BPT yang berada di dalam gudang itu dengan hasil sitaan dianggarkan bernilai RM405,000.

**"Mengesyaki kilang itu melakukan kesalahan menyimpan stok beras tanpa lesen, pasukan Task Force Khas bertindak menyita BPT yang berada di dalam gudang itu dengan hasil sitaan dianggarkan bernilai RM405,000"**

"Sitaan dilakukan bagi membolehkan siasatan lanjut dilakukan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Kilang-Kilang Padi) 1996 P.U (A) 626," katanya ketika ditemui selepas mengetuai operasi itu di sini, semalam.

Antara agensi dan jabatan yang terbabit dalam operasi itu adalah Kawalselia Padi dan Beras (KPB), polis, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (Maqis).

Chan berkata ia adalah sitaan pertama dalam tempoh Op BPT dilaksanakan yang setakat ini merangkumi pemeriksaan terhadap lapan pemborong dan enam pengilang di negeri ini.

"Amaran keras kepada mana-mana pihak agar patuh undang-undang yang ditetapkan. Kementerian dan anggota pasukan Task Force akan bertindak tegas terhadap sesiapa sahaja sama ada individu atau syarikat yang didapati melanggar peraturan.

"Jangan ambil kesempatan kerana ini masanya kita berganding bahu untuk menjamin kecukupan bekalan makanan yang berpatutan untuk rakyat, bukannya menekan pengguna atau pesawah demi mengaut keuntungan yang lebih," katanya.

Beliau berkata, jika didapati bersalah, kilang terbabit boleh didenda sehingga RM25,000 bagi kesalahan pertama, yang mana Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras melalui notis secara bertulis boleh membatalkan atau menggantung lesen.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/10/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 11 |

# Lagi kilang sorok beras disita

## Premis di Kedah itu disyaki sorok BPT seberat 180 tan metrik dianggar bernilai RM405,000

**Oleh ROSHILA MURNI ROSLI dan NURUL HUDA HUSAIN**
ALOR SETAR

Sebuah kilang di negeri ini disita kerana disyaki menyorokkan beras putih tempatan (BPT) seberat 180 tan metrik dengan hasil sitaan dianggarkan bernilai RM405,000 dalam serbuan oleh pasukan petugas khas pada Isnin.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Fong Hin berkata, beras bergred Super Spesial Tempatan lima peratus (SST5) itu ditemui dalam kampit jumbo disorok dalam gudang yang tidak dinyatakan dalam lesen.

"Di sini saya ingin memberi amaran keras kepada mana-mana pihak supaya mematuhi undang-undang yang ditetapkan. Kementerian dan anggota *task force* akan bertindak tegas terhadap sesiapa (individu atau syarikat) yang didapati melanggar peraturan sedia ada.

"Jangan ambil kesempatan kerana ini masanya kita berganding bahu untuk menjamin kecukupan bekalan makanan yang berpatutan untuk rakyat, bukannya menekan pengguna atau pesawah demi mengaut keuntungan yang lebih," katanya ketika ditemui selepas mengetuai pasukan Task Force Khas Bersepadu Operasi Beras Putih Tempatan (OP BPT) di sini pada Selasa.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kes tersebut akan disiasat di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Kilang-Kilang Padi) 1996 P.U (A) 626.



Sebahagian beras putih tempatan (BPT) disyaki disorok di sebuah kilang di Kedah yang disita.

Menurut Fong Hin, sekiranya didapati bersalah, kilang padi tersebut boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM25,000 bagi kesalahan pertama dan Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras melalui notis secara bertulis boleh membatalkan atau menggantung lesen.

*Sinar Harian* pada Selasa melaporkan, Penguatkuasa Kawalselia Padi dan Beras Kedah berjaya merampas kira-kira 10 tan metrik beras hancur bernilai RM21,187 di sebuah kilang beras di Kota Sarang Semut, Alor Setar pada Sabtu.

Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood berkata, pemeriksaan di kilang berkenaan pada jam 1.30 petang itu menemui 96 guni beras hancur selain stok direkodkan tidak sama dengan stok fizikal yang ditemui.

Menurutnya, hasil pemeriksaan juga mendapati sebahagian beras hancur berkenaan dipercayai sudah dicampurkan dengan beras gred tempatan untuk diedarkan kepada pemborong.

Menerusi laporan hari sama, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turut membongkar kegiatan penipuan sebuah syarikat pembekalan beras di Kedah yang menyebabkan kepincangan pengedaran dan penjualan bahan makan ruji negara itu.

Menurut sumber, syarikat terlibat telah mendapat kontrak pembekalan beras daripada sebuah syarikat pertanian milik kerajaan negeri bernilai lebih RM100 juta setahun sejak kira-kira tujuh tahun lalu.

# Beras Walimah 100kg percuma untuk kenduri kahwin

**BAGAN DATUK** - Sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Kelab Silaturahim Bagan Datuk membuat kelainan dengan memberikan 100 kilogram (kg) beras untuk kenduri kahwin buat penduduk di kawasan Parlimen Bagan Datuk.

Timbalan Pengerusi Kelab Silaturahim Bagan Datuk, Muhammad Nabil Saleh berkata, program tersebut telah dimulakan sejak hampir setahun lalu bertujuan meraikan pengantin serta keluarga mereka.

"Kebanyakan kenduri di sini masih dibuat secara gotong-royong, jadi kita fikir sumbangan beras 100kg ini dapat membantu keluarga pengantin mengurangkan lagi kos kenduri mereka.

"Alhamdulillah, sambutan memang sangat menggalakkan. Pada awalnya kita bagi pada mereka yang memohon tetapi sekarang ini dapat sahaja kad kahwin kita terus beri beras," katanya.

Muhammad Nabil berkata, setakat ini sebanyak 1.3 tan beras telah diagihkan kepada 85 keluarga pengantin untuk digunakan pada hari kenduri melibatkan dua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Rungkup dan Hutan Melintang, masing-masing terletak di bawah kawasan Parlimen Bagan Datuk.

Sementara itu, di sebalik isu kesukaran mendapatkan beras tempatan, beliau menjelaskan, program berkenaan tetap diteruskan walaupun terpaksa menggunakan beras import dengan harga lebih tinggi.

"Kita sedang bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi untuk membantu mendapatkan beras tempatan bagi memastikan Program Beras Walimah itu tidak terhenti," ujar beliau.

# Beras plastik palsu, penyebar video mohon maaf

**KOTA KINABALU** - Individu yang menyebarkan video mendakwa penjualan beras plastik tampil memohon maaf menerusi satu video yang dikongsikan dalam Facebook Sazarice Sdn Bhd pada Selasa.

Dalam video berdurasi satu minit 19 saat itu, lelaki dikenali sebagai Mohd Azmie Natah memohon maaf kerana menyebarkan video yang tidak benar mengenai beras plastik.

"Saya memohon maaf kepada pihak Sazarice atas tindakan saya itu. Sebenarnya itu tidak betul, ia beras asli," katanya.

Menerusi hantaran di Facebook itu, Sazarice Sdn Bhd dalam kenyataannya berkata, penyebar isu tular beras plastik telah datang ke pejabat urusan Sazarice Sdn Bhd cawangan Sandakan pada pagi Selasa secara sukarela dan memohon maaf atas penyebaran maklumat tidak benar.

"Pihak Sazarice menyeru kepada orang ramai agar menghentikan serta-merta penyebaran video yang tidak benar mengenai produk syarikat kami.

"Pihak Sazarice tidak teragak-agak mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka yang cuba memburukkan nama baik syarikat dan menimbulkan kegusaran awam. Terima kasih," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Chan Foong Hin dalam kenyataannya berkata, individu itu turut diberikan peringatan tegas susulan kejadian tersebut.

# Kerajaan mahu tingkat penanaman padi di Sabah, Sarawak

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan melihat terdapat keperluan untuk memperluaskan kawasan penanaman padi di Sabah dan Sarawak dalam usaha membantu meningkatkan bekalan beras, sekali gus menjamin sekuriti makanan negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ketika ini, selain Kedah, bekalan beras dalam negara banyak bergantung dari Perak, Kelantan, Terengganu, Perlis dan Seberang Perai, Pulau Pinang.

Bagaimanapun beliau berkata, setiap kali musim banjir di utara dan Pantai Timur yang lazimnya berlaku pada Disember dan Januari, ia menyebabkan hasil padi rosak atau berkurang hingga menyebabkan bekalan beras negara turut terjejas.

"Oleh itu dalam jangka masa panjang kita mesti bina sekuriti makanan kita di Sabah dan Sarawak. Jadi kita perlu bincang secara serius supaya Sabah dan Sarawak dipertingkat kawasan penanaman padi.

"Kita akan mohon peruntukan pada bajet kali ini (Belanjawan 2024) atau kalau tak sempat, apa-apa sahaja peruntukan pada masa akan datang untuk kita buat sistem perairan lebih baik agar dapat tingkatkan pengeluaran padi," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan **Datuk Henry Sum Agong (GPS-Lawas)**, sama ada kerajaan bercadang menggalakkan perluasan tanaman padi di kawasan pedalaman memandangkan negara menghadapi masalah bekalan beras ketika ini.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, Felcra Berhad (Felcra) akan bekerjasama dengan Kerajaan Sarawak dan Sabah dalam membangunkan antara 15,000 hingga 20,000 hektar tanah di kedua-dua negeri berkenaan, bagi tujuan penanaman padi. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/10/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12 |

# Fokus industri sekuriti makanan

## Peruntukan besar perlu diberikan bagi meningkatkan hasil tanaman

SHAH ALAM

Peruntukan besar perlu diberikan kepada industri keselamatan makanan untuk meningkatkan produktiviti dan hasil tanaman tempatan dalam Belanjawan 2024.

Pensyarah kanan dari Universiti Malaya (UM), Dr Nur Ameera A Jaz berkata, ia penting bagi mengurangkan kebergantungan terhadap barang import.

Menurutnya, belanjawan kali ini juga perlu mengambil kira peruntukan untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi sektor pertanian.

"Berdasarkan data tahun lalu, perbelanjaan pengurusan tinggi iaitu sebanyak RM3.28 bilion, sementara pembangunan hanya RM1.54 bilion.



NUR AMEERA

"Jika ingin lihat untuk masa panjang, penekanan kepada perbelanjaan pembangunan adalah penting bagi melaksanakan lebih banyak projek pembangunan pertanian.

"Perbelanjaan besar seperti subsidi sektor padi dan beras sekitar RM2 bilion dan juga subsidi diesel dalam sektor perikanan adalah penting untuk memastikan keterjaminan makan dalam negara," katanya.

Tambah Nur Ameera, kerajaan perlu memberi fokus kepada beberapa projek penting seperti infrastruktur pertanian, pertanian moden dan tanaman bernilai tinggi serta akuakultur.

"Infrastruktur seperti sistem pengairan perlu berfungsi dengan baik untuk tanaman padi kerana ia membantu meningkatkan hasil.

"Laksanakan juga tanaman bernilai tinggi menggunakan konsep kilang tanaman iaitu sistem kawalan persekitaran bagi membolehkan pertumbuhan tanaman terkawal tanpa gangguan serangga dan penyakit.

"Kita juga dapat memastikan penggunaan baja yang optimum dan penggunaan racun juga dapat dikurangkan atau mungkin dielakkan," jelasnya.

Pada masa sama, Nur Ameera mencadangkan kerajaan mempertimbangkan inisiatif meningkatkan hasil tangkapan laut dalam dengan menggalakkan amalan perikanan yang lestari bagi memastikan kelangsungan sumber daya laut dalam bagi jangka masa panjang.

"Seterusnya, penukaran sistem rumah terbuka kepada tertutup bagi penternakan ayam juga meningkatkan hasil ternakan dengan cara lebih efisien.

"Ia juga mengurangkan risiko penyakit dan meningkatkan kesihatan ayam kerana tidak terdedah kepada cuaca tidak menentu," ujarnya.



**Kerajaan perlu memberi peruntukan besar dalam sektor pertanian bagi memperkasakan sekuriti makanan negara.**

# Cadang skim pencen kepada pesawah

**KUALA SELANGOR** - Pesawah di Selangor berharap kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi tumpuan kepada beberapa inisiatif baharu dalam pembentangan Belanjawan 2024.

Seorang pesawah dari Parit 4, Sungai Burong, Khairul Azrin Mat, 45, berkata, kerajaan dicadang mewujudkan skim pencen kepada pesawah berusia 60 tahun ke atas di seluruh negara.



KHAIRUL AZRIN



SUDIRMAN



BURHANUDDIN

Khairul Azrin yang mengusahakan bendang seluas empat hektar berkata, skim itu penting kepada golongan berkenaan bagi meringankan beban pesawah yang rata-ratanya tidak lagi mampu turun ke bendang selepas usia emas.

"Saya merayu kerajaan dapat memikirkan masa depan pesawah yang selama ini membanting tulang bagi menjamin pengeluaran hasil beras negara.

"Kita berharap skim ini diberikan kepada mereka yang terlibat secara aktif sebagai pesawah melebihi 20 tahun ke atas dengan nilai bantuan sekurang-kurangnya RM500 sebulan," katanya.

Pesawah dari Sungai Burong, Sudirman Dasuki, 54, berkata, kerajaan disaran menyediakan peruntukan baik pulih dan membina rumah pesawah sama seperti dinikmati golongan nelayan.

Jelasnya, bantuan tersebut amat diperlukan pesawah yang kebanyakannya masih menduduki rumah lama dalam keadaan daif dan uzur.

"Kami minta kerajaan pertimbangkan inisiatif itu kerana kebanyakan rumah kami berisiko dilanda ribut.

"Setiap tahun ada sahaja bumbung rumah penduduk tercabut dan diterbangkan ribut disebabkan kawasan sawah berisiko tinggi dan menjadi laluan angin," luahnya yang mengusahakan tanaman seluas 3.2 hektar.

Seorang lagi pesawah di Sawah Sempadan, Burhanuddin Halimi, 53, berkata, pesawah mencadangkan kerajaan menyediakan skim insurans bagi perlindungan diri dan tanaman padi.

Pada masa ini katanya, tiada skim insurans diperkenalkan kerajaan melainkan atas inisiatif pesawah untuk mendapatkan perlindungan.

"Insurans perlindungan diri ini boleh didapati melalui pelan disediakan Agrobank dengan anggaran RM50 semusim tetapi untuk perlindungan insurans tanaman masih belum diperkenalkan.

"Kita berharap kerajaan menyediakan kedua-dua pelan insurans tersebut dalam Belanjawan 2024 bagi meringankan beban pesawah jika ditimpa kemalangan atau tanaman padi rosak akibat bencana dan sebagainya," tambahnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 11/10/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 4 |

# Agihan hasil padi bagi Projek Ladang Merdeka tak teratur

**Laporan** Ketua Audit Negara (LKAN) 2021 mendapati agihan hasil padi bagi Projek Ladang Merdeka berjumlah RM4.36 juta tidak teratur dengan RM2.2 juta daripadanya diagihkan kepada 917 peserta yang sudah meninggal dunia.

Menurut laporan itu, berdasarkan analisis terhadap Senarai Pembahagian Hasil Ladang Merdeka dan semak silang dengan Sistem myIDENTITY Jabatan Pendaftaran Negara, agihan itu bagaimanapun dibuat kepada wakil peserta yang tidak mempunyai surat kuasa wakil atau surat mentadbir pusaka.

Dapatan itu antara hasil pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Kelantan, meliputi agihan hasil padi Projek Ladang Merdeka bagi tempoh 2020 hingga 2021.

Menurut LKAN, perkara itu berlaku disebabkan kelemahan perjanjian yang tidak pernah disemak sejak 1992, kelemahan pemantauan tempoh agihan hasil padi serta penyelenggaraan rekod peserta yang tidak dikemas kini.

Justeru, LKAN 2021 mengesyorkan KADA menyemak perjanjian projek dengan peserta serta menyediakan prosedur operasi standard (SOP) yang komprehensif merangkumi pengeluaran surat kuasa wakil, kaedah agihan hasil padi dan penamaan waris.

Laporan itu mendedahkan sejumlah RM471,996 hasil padi tidak diagih kepada peserta pada setiap akhir musim penanaman padi sejak 2013.

Ia termasuk hasil padi sebanyak RM95,503 dan RM143,331 masing-masing pada akhir musim penanaman pada 2020 dan 2021 dan hasil padi terkumpul bagi musim penanaman padi bagi 2013 hingga 2019 berjumlah RM233,162 juga tidak diagih kepada peserta setakat 31 Disember 2021.

Audit mengesyorkan data peserta Projek Ladang Merdeka diselenggara dengan lengkap, dikemas kini dan sistematik serta pemantauan rapi bagi memastikan agihan hasil padi yang teratur.

Projek Ladang Merdeka diperkenalkan KADA pada 1991 bagi membentuk pengurusan sawah padi secara estet yang lebih sistematik, selain menangani masalah kemiskinan dan tanah sawah terbiar dengan meningkatkan produktiviti pengeluaran.

Sehingga 31 Disember 2021, 16 Ladang Merdeka yang terletak di Kota Bharu Utara, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh dan Kota Bharu Selatan beroperasi dengan keluasan 737.52 hektar membabitkan 2,406 peserta. BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 11/10/2023 | THE STAR | NEWS | 5 |


# Audit report uncovers irregularities in padi project

**Flaws include outdated agreements, delayed distribution of proceeds and payment to deceased participants**

**KUALA LUMPUR:** The Auditor-General's Report 2021 has found irregular distributions of padi proceeds for the Merdeka Farm Project involving RM4.36 million, with RM2.2 million going to 917 deceased participants.

According to an analysis of the Merdeka Farm Revenue Distribution List and a cross-check with the National Registration Department myIDENTITY System, the distribution was made to participant representatives without a Letter of Administration.

This is one of the findings of the audit conducted at the Kemubu Agricultural Development Authority (Kada) headquarters, which covered the distribution of the Merdeka Farm Project padi proceeds from 2020 to 2021, Bernama reported.

According to the report tabled in the Dewan Rakyat yesterday, the occurrence could be attributed to several flaws, including the fact that the agreement has not been revised since 1992, weaknesses in monitoring the padi proceeds distribution period and participant records that were not updated.

The report recommended that Kada review the project agreement with the participants as well as prepare a comprehensive standard operating procedure that includes the issuance of a Letter of Administration, the padi proceeds distribution method and the naming of heirs.

The report also revealed a total of RM471,996 in padi proceeds had not been distributed to participants at the end of each planting season since 2013.

It includes padi proceeds of RM95,503 and RM143,331 at the end of the 2020 and 2021 planting seasons respectively, as well as the accumulated proceeds for the 2013 to 2019 planting seasons amounting to RM233,162 as of Dec 31, 2021.

"The report recommends that data for the Merdeka Farm Project participants be maintained in a comprehensive, up-to-date and systematic manner, along with close monitoring to ensure the orderly distribution of rice proceeds.

"In addition, the method of payment through electronic transfer to the participant's bank account must be improved to ensure the rice proceeds distribution process is done according to the set period."

Kada introduced the Merdeka Farm Project in 1991 to establish a systematic estate management of padi fields and to address poverty and abandoned fields by increasing rice production.

As of Dec 31, 2021, 16 Merdeka Farm projects had been established in North Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh and South Kota Bharu covering 737.52ha and involving 2,406 participants.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/10/2023 | THE STAR | NEWS | 5 |

PAHANG

# Collaborative pineapple farming takes off in Rompin

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my




Sheikh Umar (centre, in white shirt) showing MD2 pineapples headed to Japan, with farmers as well as staff of Agrobank and MPIB. They are showing hand signs for pineapples.

PINEAPPLE contract farming has proven to be successful in increasing income for planters, especially youths.

Malaysian Pineapple Industry Board (MPIB) chairman Sheikh Umar Bagharib Ali said this as he attended a launch ceremony for export of MD2 Malaysian pineapples to Japan by Aqina Food Industries.

"The company has managed to break into a new market in Osaka. I am interested in their contract farming concept.

"Currently, the company is cultivating MD2 pineapples on at least 101.1ha of plantation land in Pekoti Timur in Rompin, Pahang.

"I have been told that 20 youths are participating in the contract farming programme and more will be joining from time to time," he said at the ceremony in Rompin.

He added that the participants had been following the programme for more than two years.

Each participant is given 2.02ha of land by the company to cultivate MD2 pineapples for the six years.

Sheikh Umar lauded the programme for opening opportunities for youths to generate a decent income.

Through the cooperation of Aqina and Agrobank, he said, loans amounting to more than RM200,000 had been issued for each round of crops.

"Training was given by the company on managing seeds, handling the fertilisation process, treating the soil and so on.

"As a result, top-quality MD2 pineapples have been produced," he said, adding that the company also provided financial management guidance to participants.

Sheikh Umar revealed that the participants were earning about RM4,000 monthly, with almost all of them having settled their car and student loans.

"I believe this community partnership concept involving the public and private sectors must be applied in the agricultural sector in Malaysia to get more youths involved.

"Business entities can make a profit but they must share the responsibility of helping farmers increase income," he said.

Sheikh Umar said the concept further increased participants' skills to face challenging economic situations.

He added that as MPIB chairman, he would ensure that close cooperation with the private sector would be intensified so that the economic overflow of the pineapple industry could be enjoyed by more people.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/10/2023 | THE STAR | NEWS | 6 |

# Agrobank waives DuitNow QR transaction fees

**KUALA LUMPUR:** Agrobank has opted out imposing transaction fees rate on payments via the DuitNow QR code platform until further notice.

Agrobank president and chief executive officer Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin said: "At this juncture, Agrobank will maintain its current fees and charges for all merchants, as practised today.

"In the event of any changes or revisions, the bank will ensure proper communication is cascaded to merchants ahead of time."

DuitNow QR operator, Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet), had clarified that debit and credit card payments are currently subject to a merchant discount rate (MDR), while MDR for QR payments are exempted.

The MDR was previously waived to encourage usage of QR payments during its introduction period in 2019.

However, the waivering of MDR for QR payments was then extended due to the Covid-19 pandemic.

He shared: "We believe this decision syncs with the bank's continuous effort to safeguard the well-being of our customers.

"We want to ensure that the practices are align with the bank's principles, which is to aid and support our customers encompassing a majority of low-income groups running micro and small businesses.

"We want to be parallel with the evolution of digitalisation in terms of banking and transactions. Rest assured that it is our utmost priority that our customers, merchants and vendors enjoy the conveniences of banking with us in every payment method."

Agrobank has also launched the Cashless via DuitNow QR on Oct 1.

The campaign, which runs until Jan 31, 2024 is aimed at encouraging and promoting DuitNow QR services to all existing customers as well as to establish cashless community in unserved areas.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/10/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |

# Nelayan bimbang kolam udang haram jejas pendapatan mereka

**PARIT BUNTAR:** Kewujudan lebih 100 kolam ternakan udang di pinggir Sungai Kurau di sini menimbulkan tanda tanya dalam kalangan nelayan sungai yang bimbang ia mungkin menjejaskan pendapatan mereka.

Wakil nelayan, Mohd. Radzi Said,53, berkata, kolam udang itu terletak bukan dalam zon akuakultur dan jumlahnya semakin banyak berbanding hanya dua atau tiga buah kolam sahaja sebelum ini.

Menurutnya, pembinaan kolam udang itu sudah disuarakan oleh nelayan dalam sesi dialog sejak beberapa tahun lalu yang mahu tahu mengapa kolam berkenaan dibina di kawasan bukan zon akuakultur.

"Kami bimbang pembinaan kolam udang ini bukan sahaja akan menjejaskan pendapatan nelayan tetapi boleh mengancam hidupan air.

"Kolam ini dibina terlalu dekat dengan gigi Sungai Kurau sehingga menimbulkan kecurigaan kepada penduduk dan nelayan di sini kerana ia mengancam ekosistem hidupan air," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut Mohd.Radzi, nelayan akan terus membangkitkan isu pembinaan kolam udang itu selagi tiada penjelasan mengenainya oleh pihak kerajaan.

Menurutnya, nelayan telah menyuarakan banyak kali perkara itu dan menjangkakan ia dapat diberikan penjelasan namun tiada pihak yang tampil membuat penjelasan.

"Dulu kami nelayan tempatan hanya nampak dua tiga kolam dibina di atas tanah sekitar 40 ekar tetapi sekarang sudah wujud lebih 100 kolam di atas tanah yang bukannya zon akuakultur.

"Pelbagai aduan telah dikemukakan oleh nelayan tempatan mengenai kewujudan kolam-kolam ini namun ia bagaikan tiada berkesudahan, jumlahnya semakin banyak," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/10/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 6 |

# Subsidi beras kepada B40 perlu guna mekanisme lebih tepat

**Kuala Lumpur:** Cadangan pemberian subsidi bagi pembelian beras putih tempatan (BPT) kepada golongan B40 boleh dilaksanakan jika kerajaan mempunyai mekanisme yang betul.

Presiden Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputera Malaysia (PENGILANG), Datuk Dr Azman Yusoff, berkata ia bagi mengelak ketirisan terhadap pemberian subsidi dan penipuan pihak tidak bertanggungjawab.

"Kita setuju dengan pemberian subsidi jika ada mekanisme betul dalam mengagihkan kad subsidi B40 bagi mengelak ketirisan dan penipuan pihak tidak bertanggungjawab," katanya kepada *BH* di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas cadangan Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani supaya kerajaan menyediakan subsidi bagi pembelian BPT untuk 3.2 juta isi rumah B40 jika harga beras dinaikkan.

## Penguatkuasaan lebih tegas

Azman berkata, kerajaan perlu berbincang dengan pemegang taruh membabitkan wakil industri dan pesawah untuk mengatasi serta memahami masalah berkaitan beras supaya bekalan dapat dijual pada harga berpatutan.

"Kerajaan wajar meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan untuk memastikan beras tempatan tidak dicampur dengan beras import.

"Tindakan keras dan tegas perlu dilakukan terhadap pengilang yang melakukan penipuan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/10/2023 | THE STAR | NATION | 10 |

## Supply Bill 2024 tabled for reading

THE Supply Bill 2024 has been tabled for the first reading in the Dewan Rakyat ahead of Budget 2024.

The Bill for the government's spending plan for 2024 was tabled by Deputy Finance Minister Datuk Seri Ahmad Haji Maslan.

"The second reading, which is Budget 2024, is scheduled this Friday at 4pm," he told the Dewan Rakyat yesterday.

Earlier in February, Anwar, who is also Finance Minister, re-tabled a modified version of Budget 2023 which was tabled by the previous administration in October last year before the dissolution of Parliament.

The 14th Parliament was dissolved before Budget 2023, which was initially tabled by former prime minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob's government, was passed.

The Supply Bill was later re-tabled by Anwar with slight tweaks on Feb 24. On that note, Budget 2024 will be an entirely new fiscal plan conceived under Anwar's Madani concept.

The Prime Minister had said that two key sectors – education and health – would continue to receive the bulk of the allocations under Budget 2024.

# Move to improve food security



**Boosting supply:** Mohamad is pushing for serious discussions to enhance rice cultivation in Sabah and Sarawak. — Bernama

THE government recognises the need to expand rice cultivation in Sabah and Sarawak in an effort to boost rice supply and ensure national food security.

According to Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu, apart from Kedah, the country's rice supply relies heavily on Perak, Kelantan, Terengganu, Perlis and Penang (Seberang Perai).

However, every time the usual flood season occurs on the northern area and east coast (of the peninsula), usually in December and January, it leads to damaged or reduced rice yields, affecting the nation's rice supply.

"So, in the long term, we need to improve our food security in Sabah and Sarawak.

"We must have serious discussions to enhance rice cultivation areas in both states.

"We will request allocation in this year's budget (Budget 2024) or, if not possible, any allocation in the future to improve irrigation systems and increase rice production," he said during the question-and-answer session in Parliament yesterday.

He said this in reply to an additional question from Datuk Henry Sum Agong (GPS-Lawas) regarding the government's plan to promote the expansion of rice cultivation in rural areas, given the country's current rice supply issues.

Earlier, Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said Felcra Bhd would collaborate with Sarawak and Sabah to develop between 15,000 and 20,000ha of land in both states for collective padi planting purposes. — Bernama